



## **KERATAN AKHBAR**

### **1 Sep2021 (Wednesday)**

#### **Berita Harian**

MKN tak bercadang batal kebenaran makan di restoran	1
5 daerah selangor dijangka alami gangguan bekalan air	2

#### **Utusan Malaysia**

Selangor belakangi keputusan PKR	3
Bekalan air Selangor terjejas lagi	4
Bangkit jadi tauke nasi lemak	5

#### **Harian Metro**

Serah 20,000 dos vaksin percuma	6
Sambutan sederhana tetapi penuh semangat	7
Gangguan bekalan air	8

#### **Kosmo**

Masalah gangguan air berulang lagi	9
Seramai 10,000 penduduk dapat manfaat vaksin ihsan Selangor	10
Rm16j untuk bantu 1046 asnaf riqab	11
Bangkit jadi tauke nasi lemak	12

#### **Sinar Harian**

Gangguan bekalan air jejas 5 daerah di Selangor	13
LUAS siasat punca pencemaran bau	14
15 kumpulan aktivis kecam keputusan kerajaan Selangor	15
Rakyat bantah HSKLU dinyahwarta	16
581.48 hektar kawasan diluluskan sebagai gansi HSK	17
Anwar minta MB Selangor beri penjelasan	18

#### **Astro Awani**

Pulau Pinang Terima 20,000 Dos Vaksin Dari Selangor	19
Pulau Pinang Terima 20,000 Dos Vaksin Dari Selangor	20

#### **Bername News Channel**

Selangor Sumbang 20,000 Vaksin Percuma Kepada Pulau Pinang	21
--	----

#### **Bername Radio 24**

Selangor Sumbang 20,000 Vaksin Percuma Kepada Pulau Pinang	22
--	----

#### **Nasional FM (87.7)**

Selangor Sumbang 20,000 Dos Vaksin Kepada Pulau Pinang	23
--	----

#### **RTM1**

Kadar Pemberian Vaksin Tinggi	24
MAIS Perkasa Bahagian Pemulihan Al-Riqab	25
Selangor Sumbang Vaksin Kepada Pulau Pinang	26
Vaksin Lengkap Lebih 89% Populasi Dewasa	27

#### **The Star**

National Day spirit undampened	28
PARK REOPENING	29



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>ROAD CLOSURE</b>	30
Hikers encroach into off-limits park	31
MPAJ approves six-month licence for roadside traders	32
Groups call for long term solutions	33
Selangor donates vaccines to Penang	34
<b>New Straits Times</b>	
Selangor gives 20,000 doses to Penang	35
Water cut in 463 areas in Klang Valley	36
<b>The Sun</b>	
Independence Day celebrated in Malaysian Family spirit	37
<b>The Malaysian Reserve</b>	
Selangor hands over 20,000 doses of vaccine to Penang	38
Selangor changes focus of SELangkah, improves app functions	39
<b>Traxx FM (90.3)</b>	
Considering Give Stock Vaccine To Penang	40
<b>China Press</b>	
Selangor Sultan call for people to do vaccination soon to have freedom again	41
Selangor Sultan celebrates wedding anniversary	42
Water pumping station polluted caused water filter station stop operate, 320 thousand families in Selangor and Putrajaya water outage	43
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
Amirudin Shari: The people of the country must live with the virus and fail to shout "independence"	44
Friends of Friends of Nature: Withdrawal of the Kuala Langat North Forest Reserve violates international commitments	45
Ng Chok Sin slams Selangor government's disregard for public opinion	46
Menteri Besar of Selangor: Menteri Besar of Perak to lend vaccines but after checking the inventory first	47
Selangor leads the country with 117 suicides, 7-month epidemic affects mental and health	48
Withdrawal of forest reserve sets off controversy, Anwar asks Menteri Besar of Selangor to explain	49
<b>Guang Ming Daily</b>	
SELangkah add mental health assessment.	50
Semenyih river odor pollution; Selangor over 320k users water cut-off.	51
<b>Kwong Wah Yit Poh</b>	
Selangor send vaccines to Penang, donated 20,000 doses and benefited 10,000 people	52
<b>Malaysia Nanban</b>	
The number of Covid-19 patient getting lower in Selangor government hospitals	53
<b>8TV</b>	
Selangor Sumbang 20,000 Vaksin Percuma Kepada Pulau Pinang	54
<b>Astro AEC</b>	
Program Vaksinasi Covid-19	55



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **RTM2**

Pulau Pinang Terima 20,000 Dos Vaksin Daripada Selangor  
Selangor Sumbang 20,000 Dos Vaksin Kepada Pulau Pinang

56  
57

## **Bername News Channel**

Selangor Sumbang 20,000 Vaksin Percuma Kepada Pulau Pinang

58



**KERATAN AKHBAR**  
**1 September 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MKN tak bercadang batal kebenaran makan di restoran
Muka Surat	:	8

**Penularan COVID-19**

# MKN tak bercadang batal kebenaran makan di restoran

**Aktiviti dibenar selepas perbincangan menyeluruh dengan pelbagai pihak**

Oleh **Mohd Roji Kawi, Luqman Arif Abdul Karim, Faris Fuad dan Nur Izzati Mohamad**  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majlis Keselamatan Negara (MKN) setakat ini tidak bercadang menarik balik kebenaran 'dine-in' atau makan di restoran kepada individu lengkap vaksinasi COVID-19. Ketua Pengarahnya, Datuk Rodzi Md Saad, berkata dakwaan bahawa aktiviti *dine-in* yang dibenarkan selepas perbincangan secara teliti dan menyeluruh, menyumbang kepada peningkatan kes COVID-19 disifatkan andaian semata-mata.

"Dakwaan itu tak betul dan andaian semata-mata, kita (MKN) benarkan *dine-in* selepas berbincang dengan pelbagai pihak. Hasil pemantauan pihak berkuasa juga mendapati masih banyak premis makanan tidak membenarkan *dine-in* kerana pekerja mereka tidak lengkap vaksinasi.

"Perkara itu di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) yang boleh melarang kedai makan menggunakan pekerja tidak divaksin untuk melayan pelanggan *dine-in*," katanya kepada *BH* semalam.

Di **Butterworth**, Ketua Men-

teri Pulau Pinang, Chon Kon Yeow, berkata kerajaan negeri tidak melarang aktiviti *dine-in* bagi individu lengkap dua dos vaksin memandangkan kesedaran rakyat berhubung peningkatan kes COVID-19 di negeri itu amat tinggi.

"Kita lihat tiada keperluan untuk sekat rakyat yang lengkap menerima dua dos vaksin untuk *dine-in* kerana kesedaran mereka amat tinggi mengenai peningkatan kes di negeri ini dan mengamalkan sikap berhati-hati.

"Sejak aktiviti itu dibenarkan, tidak ramai berkunjung untuk makan di premis dan ramai pemilik masih tidak buka kedai.

"Ini menunjukkan rakyat amat bertanggungjawab dan perkara

ini yang kita mahukan," katanya pada majlis penyerahan sumbangan 20,000 dos vaksin COVID-19 secara percuma daripada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) SP Arena, Seberang Jaya, semalam.



Rodzi Md Saad

Di **Kuching**, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak memaklumkan, prosedur operasi standard (SOP) di negeri itu tidak diperketatkan secara menyeluruh walaupun berlaku peningkatan mendadak jangkitan COVID-19 sejak dua minggu lalu, kecuali kelonggaran seperti *dine-in* di lapan daerah yang ditarik balik.

"Penarikan balik kelonggaran hanya membabitkan lapan daerah di zon selatan, iaitu Kuching, Bau, Lundu, Samarahan, Asajaya, Simunjan, Serian dan Tebedu. Ia berikutan sebahagian besar kes jangkitan baharu di Sarawak tertumpu di lapan daerah terbahit.

"Antara kelonggaran ditarik balik ialah *dine-in* yang berkuat kuasa 22 Ogos lalu hingga 5 September ini.

"Operasi premis perniagaan di lapan daerah itu juga dihadkan mulai jam 5 pagi hingga 8 malam dalam tempoh sama. Individu atau kumpulan juga tidak dibenarkan berada di kawasan awam selepas jam 10 malam tanpa alasan munasabah.

"Pergerakan rentas daerah dari lapan daerah itu ke daerah lain perlu mendapatkan permit polis selain keputusan negatif ujian rt-PCR atau RTK Antigen diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," kata JPBN.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

1 September 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	5 daerah selangor dijangka alami gangguan bekalan air
Muka Surat	:	19

# 5 daerah Selangor dijangka alami gangguan bekalan air

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 463 kawasan di lima daerah Selangor dijangka mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihentikan tugas akibat pencemaran bau di kesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir, pagi semalam.

Pencemaran dikesan pada jam 11.10 pagi itu menjejaskan bekalan air di 172 kawasan di Petaling, manakala Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20).

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata pengguna terkesan boleh mendapatkan senarai kawasan

terbabit menerusi aplikasi serta laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com).

Beliau berkata, pihaknya ketika ini bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi mengenal pasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih dan anak sungai sekitar kawasan itu.

"Air Selangor juga mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) bagi menyediakan bantuan bekalan air kecemasan kepada pengguna terkesan.

"Kita amat memahami situasi pengguna memerlukan air bersih terutama ketika peningkatan kes COVID-19. Air Selangor se-

dang mengambil segala usaha bagi meminimumkan impak gangguan kepada pengguna terjejas.

"Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan insiden itu dari semasa ke semasa menerusi semua medium khususnya media massa," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Elina berkata, orang ramai boleh merujuk semua saluran komunikasi rasmi Air Selangor seperti Facebook, Instagram dan Twitter, selain Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300 untuk maklumat lanjut.

"Mereka juga boleh membuat pertanyaan dan aduan menerusi pautan [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) dan aplikasi Air Selangor," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

1 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor belakangi keputusan PKR
Muka Surat	:	5

# Selangor belakangi keputusan PKR

**PETALING JAYA:** Tindakan Kerajaan Selangor meluluskan penyahwartaan 536.7 hektar Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara (HSKCLU) dilihat membelakangi keputusan kepimpinan PKR.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pimpinan parti sejak tahun lalu telah memaklumkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari untuk membatalkan perkara tersebut.

Oleh itu katanya, Amirudin telah diminta memberi penjelasan terperinci berhubung perkara berkenaan dalam pertemuan bersama pimpinan parti hari ini.

“Saya meneliti laporan dan aduan berkenaan tindakan Kerajaan Selangor yang melakukan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara Mei lalu. Saya juga maklum Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor telah menolak cadangan

tersebut.

“Ingin ditegaskan keputusan yang dibuat ini belum dimaklumkan kepada pimpinan parti. Malah pimpinan PKR sejak tahun lalu telah memaklumkan kepada Menteri Besar untuk membatalkan perkara tersebut,” katanya dalam kenyataan semalam.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKCLU diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

Penyahwartaan itu bertujuan melaksana projek pembangunan bercampur yang mendapat bantahan pelbagai pihak kerana memusnahkan alam semula jadi di hutan simpan itu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

1 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bekalan air Selangor terjejas lagi
Muka Surat	:	6

# Bekalan air Selangor terjejas lagi

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**  
utusannews@mediamula.com.my

**SHAH ALAM:** Sebanyak 463 kawasan di lima buah wilayah di Lembah Klang dijangka mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual ekoran pencemaran yang berlaku di Sungai Semenyih.

Gangguan itu ekoran henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir pukul 12 tengah hari semalam.

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memaklumkan, sebanyak 194 kawasan di daerah Sepang terjejas dengan

gangguan bekalan air itu.

“Daerah lain yang turut terjejas bekalan adalah Petaling iaitu sebanyak 172 kawasan diikuti Hulu Langat (54).

“Daerah Putrajaya dan Kuala Langat pula masing-masing melibatkan 23 serta 20 kawasan terjejas,” katanya menerusi kenyataan semalam.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian memaklumkan punca sebenar pencemaran yang menyebabkan henti tugas LRA itu belum dikenalpasti sekatat ini.

Siasatan awal pensampelan

bau dijalankan di kawasan Jambatan 1.5 Intake Jenderam Hulu dan Intake Sungai Semenyih mendapati tiada sebarang bau dikesan (0 Ton). Siasatan pensampelan di Sungai Semenyih dan Sungai Rinting juga mendapati tiada sebarang bau.

Air Selangor sedang bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi mengenalpasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih dan anak sungai di sekitar Sungai Semenyih.

Para pengguna boleh mendapatkan senarai kawasan yang terlibat dengan gangguan bekalan air tidak berjadual itu menerusi laman sesawang Air Se-

langor di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) serta aplikasi Air Selangor.

Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan dengan insiden itu dari semasa ke semasa menerusi semua medium khususnya media massa.

Para pengguna turut boleh merujuk kesemua saluran komunikasi rasmi seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter atau hubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300.

Pertanyaan dan aduan juga boleh diajukan di Help Centre yang boleh didapati di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) dan aplikasi Air Selangor.



HEE LOY SIAN



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>1 September 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bangkit jadi tauke nasi lemak
Muka Surat	:	31

# Bangkit jadi tauke nasi lemak

Oleh **NUR SHARIEZA ISMAIL**  
 utusannews@mediamula.com.my

**CYBERJAYA:** Biar pun pernah ditimpa pelbagai dugaan dan cabaran, namun berkat kesungguhan Rahashidan Harun, 50, bersama isteri, Azlin Abdullah, 50, yang tidak kenal erti mengalah membuka peluang kehidupan lebih baik untuk mereka sekeluarga.

Kisah Rahashidan sekeluarga termasuk enam anaknya yang terpaksa 'berpindah' ke ruang bawah sebuah pangsupuri di sini baru-baru ini, tular dalam media sosial selepas dikatakan dihalau bekas majikan tempat dia bekerja.

Menceritakan detik itu, Rahashidan berkata, dia dan keluarganya diarah keluar dari rumah sewa bekas majikannya selepas berlaku salah faham apabila dituduh membuka gerai jualan nasi lemak tanpa kebenaran.

Katanya, gerai yang dibuka di bahagian hadapan restoran bekas majikannya itu sebenarnya beroperasi di luar waktu operasi bagi mendapatkan pendapatan



**ORANG ramai membeli nasi lemak di gerai Rahashidan Harun berhampiran Shaftsbury Residences dan bangunan SKMM, Jalan Impak, Cyber 6, Cyberjaya. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR**

sampingan selepas gaji dipotong ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).  
 "Disebabkan salah faham

dan dia (bekas majikan) menganggap seolah-olah gerai saya dapat untung banyak berbanding restorannya, dia bertindak

menghalau saya dan keluarga daripada rumah sewa.

"Saya diarahkan keluar serta-merta dan akur walaupun seba-

hagian daripada bayaran sewa rumah itu saya bayar sendiri.

"Memang sedih sebab anak-anak terpaksa menanggung sama nasib yang menimpa saya ketika itu. Mujurlah ada pihak sudi membantu antaranya Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan komuniti Cyberjaya," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Rahashidan berkata, sejak kejadian itu, dia dan isteri tidak menoleh ke belakang walaupun berat bebanan yang terpaksa ditanggung kerana hilang tempat berteduh selain tiada pekerjaan.

Berbekalkan pengalaman sebagai chef dan sedikit modal yang dikumpul, dia dan isteri memulakan perniagaan gerai nasi lemak berhampiran Shaftsbury Residences dan bangunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di Jalan Impak, Cyber 6.

"Saya kini merancang membuka restoran sendiri pada masa hadapan agar anak-anak saya dapat mewarisi perniagaan itu satu hari nanti," ujarnya.





**KERATAN AKHBAR**  
**1 September 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Serah 20,000 dos vaksin percuma
Muka Surat	:	9

## Serah 20,000 dos vaksin percuma

**Butterworth:** Kerajaan negeri Selangor menunjukkan solidariti terhadap kerajaan negeri Pulau Pinang apabila menyerahkan 20,000 dos vaksin secara percuma semalam dalam usaha mempercepatkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) di negeri itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sumbangan vaksin kepada Pulau Pinang dan beberapa negeri lain itu dibuat selepas melihat trend penurunan kes di Selangor.

Beliau berkata, kapasiti penggunaan katil di Selangor kini dikurangkan daripada 130 peratus kepada 88 peratus iaitu 50 peratus daripada jumlah kes sebelum ini.

“Dalam soal ini, kita melihat kalau tidak melakukan sesuatu tindakan vaksinasi dengan segera di Pulau Pinang dan beberapa negeri lain, kemungkinan lonjakan kes akan berlaku sebagaimana pengalaman kita di Selangor.

“Jadi sempena Hari Kemerdekaan hari ini (semalam), sebagai tanda solidariti kita berikan sumbangan 20,000 dos vaksin untuk sama-sama menggerakkan Pick dengan pantas dan kita percaya ia mampu mengurangkan kes Covid-19,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan sumbangan itu kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow dalam satu majlis di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) SP Arena, Seberang Jaya, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, tanggungjawab pemberian vaksin masih terletak di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau kapasiti Kerajaan Persekutuan.

“Apa yang dilakukan Selangor ini adalah meningkatkan kapasiti dengan tambahan nilai kita mampu untuk membantu Pulau Pinang dan beberapa negeri lain,” katanya.



AMIRUDIN (tiga dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada Chow di PPV SP Arena, Seberang Jaya, semalam.



## KERATAN AKHBAR

### 1 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sambutan sederhana tetapi penuh semangat
Muka Surat	:	11

## *Sambutan sederhana tetapi penuh semangat*

**Kuala Lumpur:** Hari Kebangsaan 2021 tetap disambut dengan penuh semangat patriotisme walaupun secara sederhana, sesuai mengikut persekitaran norma baharu, iaitu bagi tahun kedua sejak negara dilanda pandemik Covid-19 tahun lalu.

Di **PAHANG**, Pemangku Raja Pahang Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2021 Peringkat Pahang yang berlangsung di pekarangan Majlis Bandara Kuantan di Kuantan.

Ketibaan Tengku Hassan disambut barisan kepimpinan negeri yang diketuai Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan sambutan dimulakan dengan perbarisan kawalan kehormatan utama, upacara menaikkan Jalur Gemilang serta laungan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali.

Sambutan yang diadakan tahun ini berlangsung secara sederhana dan turut disiarkan di akaun rasmi Facebook kerajaan negeri bagi membolehkan rakyat Pahang 'menyertai' sambutan itu secara dalam talian.

Di ibu negara pula, kelihatan orang ramai dalam kumpulan kecil mengamalkan gaya hidup sihat di sekitar Dataran Merdeka dengan mengayuh basikal serta berjoging seawal jam 7:30 pagi.

Bagaimanapun keadaan di kawasan itu tenang dan orang ramai juga mematuhi SOP ditetapkan serta dilihat mula bersurai jam 9:30 pagi dengan lokasi itu dikawal dengan baik oleh anggota polis serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Di **KELANTAN**, pelbagai inisiatif dilakukan orang ramai walaupun secara ber-

sederhana bagi menyemarakkan Hari Kebangsaan 2021 termasuk berbasikal dengan membawa Jalur Gemilang untuk menzahirkan semangat patriotik.

Tinjauan Bernama di sekitar Kota Bharu hari ini mendapati kebanyakan penduduk terutama golongan muda mengambil inisiatif berbasikal mengelilingi sekitar bandar sambil mengibarkan Jalur Gemilang.

Di **PULAU PINANG**, Jabatan Penerangan Negeri Pulau Pinang mengadakan program Merdeka@Komuniti iaitu serahan bendera, bakul makanan serta suguhati kepada komuniti setempat di daerah Seberang Perai Tengah (SPT) termasuk penerima vaksin bersempena sambutan Hari Kebangsaan di Pusat Pemberian Vaksin Hotel Vangohh di sini, hari ini.

Pengarahnya, Dr Haniff Hassan berkata melalui program tersebut, pihaknya turut menggerakkan pasukan ke beberapa kawasan di setiap daerah negeri itu termasuk daerah SPT, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Barat Daya dan Timur Laut.

Di **SABAH**, sambutan Hari Kebangsaan diadakan dalam suasana sederhana secara tertutup dan berskala kecil kira-kira satu jam bagi mematuhi SOP.

Melihat komitmen berterusan diberikan petugas barisan hadapan, Ketua Menteri Sabah Datuk Hajiji Noor menzahirkan penghargaan menerusi momento mengandungi nukilan khas beliau sebagai ucapan terima kasih kepada wira negeri itu atas khidmat bakti mereka sepanjang pandemik.

Di **JOHOR**, seramai 50 individu menyertai aktiviti

konvoi berkereta Merdeka@Komuniti kibar Jalur Gemilang di Mersing bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan 2021 mengikut norma baharu.

Program anjuran Jabatan Penerangan Mersing itu disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri Endau Alwiyah Talib bermula di Dataran Kelambara, Kampung Seri Kelang di sini, kira-kira jam 9.40 pagi.

Di **NEGERI SEMBILAN**, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan 2021 yang diadakan secara sederhana di pekarangan Wisma Negeri, Seremban, di sini.

Majlis yang diadakan kira-kira setengah jam itu dimulai dengan bacaan Ikrar Rukun Negara yang diketuai Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun selain upacara menaikkan Jalur Gemilang serta nyanyian lagu Negaraku.

Di **SELANGOR**, Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari dalam Perutusan Hari Kebangsaan 2021 berkata penting untuk generasi muda memahami, mendalami dan menghargai usaha dan pengorbanan yang disumbangkan generasi sebelum ini dalam memelihara identiti kebangsaan.

Di **PERAK**, Menteri Besar Datuk Saarani Mohamad dalam perutusan di laman Facebook berkata, dalam keadaan negara berdepan Covid-19, penerapan semangat patriotisme masih perlu menjadi ciri penting dalam membina sebuah negara yang kekal aman serta terus maju demi rakyatnya.



SEKUMPULAN kanak-kanak mengibarkan Jalur Gemilang ketika menyaksikan pertunjukan udara di Taman Mercu Tanda, Taman Putra Perdana, Putrajaya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

1 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air
Muka Surat	:	24

# Gangguan bekalan air

**Kuala Lumpur:** Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas susulan pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir, semalam.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Elina Basri berkata, pencemaran bau itu dikesan jam 11.10 pagi.

Menurutnya, Air Selangor bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) bagi mengenal pasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih dan anak sungai di sekitar Sungai Se-

menyih.


“Henti tugas LRA Sungai Semenyih ini membabitkan 463 kawasan di lima wilayah Air Selangor iaitu Petaling sebanyak 172 kawasan, Hulu Langat (54 kawasan), Sepang (194 kawasan), Putrajaya (23 kawasan) dan Kuala Langat (20 kawasan) dijangka mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.

“Pengguna boleh mendapatkan senarai kawasan terbabit menerusi laman sesawang Air Selangor di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) serta aplikasi Air Selangor,” katanya dalam kenyataan, semalam.



**KERATAN AKHBAR**  
**1 September 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Masalah gangguan air berulang lagi
Muka Surat	:	3



**KAKITANGAN LUAS** memeriksa bau sampel air yang diambil bagi mengetahui punca LRA Sungai Semenyih dihenti tugas yang menyebabkan penduduk di Lembah Klang berdepan masalah gangguan air.

Libatkan 463 kawasan di Selangor, Kuala Lumpur

# Masalah gangguan air berulang lagi

**SHAH ALAM** – Sebanyak 463 kawasan di lima daerah di Lembah Klang dijangka mengalami masalah gangguan bekalan air tidak berjadual.

Gangguan itu berlaku berikutan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir, Sepang dihenti tugas pada pukul 12 tengah hari semalam.

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) berkata, Sepang merupakan antara daerah yang terjejas di Selangor melibatkan sebanyak 194 kawasan.

“Daerah lain yang turut mengalami gangguan ialah Petaling melibatkan 172 kawasan diikuti Hulu Langat, 54 kawasan.

“Putrajaya dan daerah Kuala Langat pula masing-masing melibatkan 23 serta 20 kawasan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancungan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian memberitahu, setakat ini punca sebenar pencemaran yang menyebabkan LRA itu menghentikan operasi masih belum dikenal pasti.

Pensampelan yang dijalankan di Jambatan 1.5 Intake Jenderam Hulu dan Intake Sungai Semenyih mendapati tiada sebarang bau dikesan iaitu 0 Ton.

“Siasatan pensampelan di Sungai Semenyih dan Sungai Rinching juga didapati tiada sebarang bau.

“Air Selangor sedang bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi mengenal pasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih dan anak sungai di sekitar Sungai Semenyih,” katanya.

Sebarang perkembangan berkaitan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui semua saluran media sosial Air Selangor selain boleh menghubungi pusat perhubungan syarikat itu di talian **15300**.

Pada Oktober 2020, *Kosmo!* melaporkan lebih lima juta penduduk di Kuala Lumpur dan Selangor terputus bekalan air apabila empat LRA menghentikan operasi ekoran pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor dipercayai berpunca dari kilang haram.

Gangguan bekalan yang berlaku ketika rakyat Lembah Klang sedang berdepan Perintah Kawalan Pergerakan itu menyebabkan ramai yang marah seolah-olah masalah air tiada berkesudahan.

Kejadian gangguan itu adalah yang kedua dalam tempoh enam bulan pada tahun lepas.



**KERATAN AKHBAR**  
**1 September 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Seramai 10,000 penduduk dapat manfaat vaksin ihsan Selangor
Muka Surat	:	4

# Seramai 10,000 penduduk dapat manfaat vaksin ihsan Selangor

**SEBERANG PERAI** – Seramai 10,000 penduduk di Pulau Pinang dijangka menerima manfaat hasil sumbangan kira-kira 20,000 dos vaksin secara percuma oleh kerajaan negeri Selangor.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada tanda solidariti antara kedua-dua buah kerajaan negeri dalam memerangi Covid-19.

Katanya, menurut Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JK-VAV), seramai 1.14 juta warga Pulau Pinang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos iaitu 64.4 peratus daripada populasi keseluruhan, manakala sebanyak 55.7 peratus populasi dewasa pula telah lengkap divaksin sehingga semalam.

“Sementara itu, inokulasi di Lembah Kelang iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor pula telah mencapai 81.4 peratus dos pertama dengan 91.1 peratus warga dewasa yang lengkap divaksin.



**AMIRUDIN (dua dari kanan) menyerahkan vaksin Covid -19 kepada Kon Yeow (dua dari kiri) di Seberang Perai Arena Centre, Seberang Jaya semalam.** – MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN

“Justeru, bagi mempercepatkan kadar vaksinasi Covid-19 dan memutuskan rantaian penularan pandemik ini, kerajaan negeri Selangor pada 19 Ogos lalu telah mengumumkan hasrat untuk meminjamkan stok 500,000 vaksin SelVAX kepada negeri-negeri lain (termasuk Pulau Pinang),” katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar yang diadakan secara bersama dengan Menteri

Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari selepas meninjau Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Seberang Perai Arena di Seberang Jaya, di sini semalam.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, sumbangan itu dibuat kerana pihaknya tidak mahu lonjakan kes Covid-19 seperti yang berlaku di Selangor sebelum ini turut berlaku di Pulau Pinang serta beberapa negeri lain yang berisiko.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>1 September 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Rm16j untuk bantu 1046 asnaf riqab
Muka Surat	:	17

MAIS lancar kempen bantu individu hadapi masalah aqidah, sosial di Selangor

## RM16j untuk bantu 1,046 asnaf riqab

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan sebanyak RM16 juta bagi menyantuni 1,046 golongan asnaf riqab yang menghadapi masalah akidah dan sosial di negeri ini.

Peruntukan itu antara lain merangkumi kumpulan asnaf yang memerlukan bantuan pemuliharaan, perlindungan, rawatan dan pencegahan.

Setiausaha MAIS, Dr. Ahmad Shahir Makhtar berkata, asnaf riqab merupakan golongan yang dibelenggu masalah seperti penagihan dadah, sumbang mahram, persetubuhan haram dan umat Islam yang terpesong agamanya.

Katanya, MAIS turut mengambil inisiatif menganjurkan satu kempen khas bagi memberi peluang kepada masyarakat mendekati golongan berkenaan.

"Kempen Bulan Pembebasan Riqab itu akan bermula esok sehingga 30 September depan.




**AHMAD SHAHIR**

"Pelbagai program dan aktiviti yang dirangka antaranya ialah Webinar Riqab, Live Bicara Ar Riqab Bersiri, Ceramah Kesedaran Kesihatan dan Program Bimbingan Asnaf Riqab," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, pelancaran kempen itu disempurnakan Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof secara maya menerusi Webinar Riqab sempena Hari Kebangsaan ke-64.

Tambah Ahmad Shahir, MAIS



**ASNAF riqab merupakan golongan yang dibelenggu masalah sosial seperti penagihan dadah.** – GAMBAR HIASAN

sebagai pihak berkuasa utama dalam pengurusan hal ehwal Islam di Selangor bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program kesedaran se-

umpama itu.

"Program melibatkan masalah sosial dan kesihatan mental itu dilaksanakan secara dalam talian.

"Penganjuran kempen itu

diharap dapat menyediakan ruang dan informasi kepada masyarakat supaya mengenali asnaf riqab dengan lebih dekat," ujarnya.



## KERATAN AKHBAR 1 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Bangkit jadi tauke nasi lemak
Muka Surat	:	18

# Bangkit jadi tauke nasi lemak

**CYBERJAYA** – Biar pun pernah ditimpa pelbagai dugaan sehingga terpaksa mendiami ruang *basement* sebuah pangsapuri di sini selama lebih sebulan, Rahashidan Harun, 50 dan isteri, Azlin Abdullah, 50, bangkit kembali dengan mengusahakan gerai nasi lemak di Cyber 6, di sini.

Sebelum ini, kisah Rahashidan sekeluarga termasuk enam orang anak yang terpaksa berpindah ke *basement* pangsapuri selepas dikatakan dihalau bekas majikan, tular di media sosial sehingga mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Rahashidan berkata, sejak kejadian itu, dia dan isteri tidak menoleh ke belakang kerana hilang tempat berteduh selain tiada pekerjaan.

“Berbekalkan pengalaman sebagai cef dan sedikit modal yang dikumpul, saya dan isteri memulakan perniagaan gerai nasi lemak berhampiran Shaftsbury Residences dan bangunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di Jalan Impak, Cyber 6.

“Alhamdulillah, kami mampu meraih keuntungan kira-kira RM200 sehari bergantung kepada jumlah pelanggan dan tempahan yang diterima,” katanya yang kini menetap di pangsapuri Mas-Reca, Cyber 10 di sini.



**ORANG ramai beratur panjang seawal pukul 7.30 pagi untuk membeli nasi lemak yang dijual Rahashidan di Jalan Impak, Cyber 6, Cyberjaya semalam.**

– FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

Tinjauan *Kosmo!* di gerainya mendapati orang ramai mula beratur seawal pukul 7.30 pagi untuk membeli nasi lemak jualan pasangan itu.

Menceritakan detik malang yang menyimpannya, Rahashidan berkata, dia dan keluarganya diarahkan keluar dari rumah sewa bekas majikan itu selepas berlaku salah faham.

“Majikan menuduh saya membuka gerai jualan nasi lemak tanpa kebenaran.

“Gerai yang dibuka di hadapan restoran bekas majikan itu sebenarnya beroperasi di luar waktu operasi restoran demi mendapatkan pendapatan sampingan

berikutan gaji dipotong ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

Ujarnya, akibat salah faham, bekas majikan menganggap saya memperolehi keuntungan banyak berbanding restorannya.

“Dia terus bertindak menghalau kami sekeluarga serta-merta walaupun sebahagian bayaran sewa rumah itu dibayar sendiri.

“Memang sedih sebab anak-anak terpaksa menanggung nasib sama, namun mujurlah ada pihak sudi membantu antaranya Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), NGO dan komuniti Cyberjaya,” katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>1 September 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air jejas 5 daerah di Selangor
Muka Surat	:	25

# Gangguan bekalan air jejas 5 daerah di Selangor

Operasi Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa dihentikan akibat pencemaran

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**

**SHAH ALAM**

**S**ebanyak 323,623 akaun di lima daerah di negeri ini mengalami gangguan bekalan air berikutan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih akibat pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir.

Menerusi aplikasi Air Selangor memaklumkan, linta

daerah terjejas itu ialah Petaling membabitkan sebanyak 160,946 akaun, Hulu Langat (29,377), Sepang (75, 869), Putrajaya (33,352) dan Kuala Langat (24,079).

Menurut kenyataan itu, daripada jumlah tersebut sebanyak 463 kawasan di lima daerah mengalami gangguan bekalan.

Kawasan terbabit membabitkan Petaling (172), Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20).

Sementara itu, menerusi status dimuat naik di Facebook Air Selangor memaklumkan, pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir pada jam 11.10 pagi Selasa.

Jelas kenyataan itu, Air Selangor sedang bekerjasama



Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa henti tugas akibat pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir pada jam 11.10 pagi Selasa.

dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi mengenalpasti punca pencemaran air mentah di sepanjang Sungai Semenyih dan anak-anak sungai di sekitar Sungai Semenyih.

“Pengguna boleh men-

dapatkan senarai kawasan yang terlibat dengan gangguan bekalan air tidak berjadual ini menerusi laman sesawang Air Selangor di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) serta aplikasi Air Selangor,” kata kenyataan itu.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



